



PEMBEDAHAN bypass jantung Minimally Invasive Cardiac hanya meninggalkan luka yang kecil.

# Minimally Invasive Cardiac Surgery - banyak kelebihan



OLEN KHAIRUNNISA SULAIMAN  
nbcz.udahmah@kubivan.com.my

**D**UA tahun lalu, Abu Bakar Othman, 57, sering merasa letih yang melampau dan sesak nafas malah selepas melakukan kerja ringan juga dia merasa amat letih tetapi masih tidak menghiraukannya. Baginya selepas masih boleh berjalan dia akan terus bekerja.

Suatu hari keadaan sesak nafasnya semakin teruk sehingga tidak bernafas dan terpaksa dihantar oleh isterinya ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.

"Di hospital, doktor memberitahu saya menghadapi masalah jantung dan diberikan beberapa jenis ubat sebelum menjalani ujian angiogram baru-baru ini. "Pemeriksaan menunjukkan dua saluran jantung tersumbat 100 peratus dan satu lagi 40 peratus dan doktor merujuk kes



DR. MOHAMED EZANI

PEMBEDAHAN Minimally Invasive Cardiac kini semakin menjadi pilihan pesakit.

saya ke Institut Jantung Negara (IJN) untuk menjalani pembedahan bypass," katanya semasa ditemui baru-baru ini.

Abu Bakar menambah, doktor mencadangkannya menjalani pembedahan bypass jantung menggunakan teknik terkini dengan bukaan luka lebih kecil, kurang menyakitkan dan tidak memerlukan pesakit tinggal lama di wad hospital.


"Ketika itu hanya Allah tahu perasaan saya apabila mendengar perkataan pembedahan, takut, gementer risau semuanya bercampur-baur walaupun doktor memberikan penerangan mendalam mengenai prosedur pembedahan yang bakal dijalani.

"Kini selepas enam hari pembedahan jantung, luka di dada sudah beransur pulih, saya sudah boleh berjalan dan tidak perlu tinggal lama di wad dan menunggu masa pulang ke rumah," katanya sambil menunjukkan parut pembedahan yang menunjukkan tanda sembuh.

Abu Bakar melahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada **Ketua dan Pengarah Operasi, Institut Jantung Negara (IJN) Datuk Dr. Mohamed Ezani Md Taib** dan kumpulannya yang bertungkus-lumus menjalankan pembedahan berkenaan dengan jayanya.

"Enam hari selepas pembedahan saya rasa sangat sihat, kurang penat dan lebih bertenaga. Saya tidak sabar untuk pulang ke rumah dan kembali bertugas," katanya.

Pembedahan bypass jantung biasanya perlukan tempoh yang lama untuk pemulihan kerana melibatkan pembedahan tulang rusuk dan luka lebih besar. Pesakit tidak boleh membuat



PEMBEDAHAN jantung biasa.



KESAN pembedahan jantung biasanya melibatkan kesan luka yang besar.

masih berdegup semasa pembedahan," katanya yang telah melakukan pembedahan Minimally Invasive Cardiac kepada lebih 30 pesakit.

Selain peralatan canggih, jelas Dr. Ezani, kumpulan pengalaman amat diperlukan semasa pembedahan bagi memastikannya berjaya.

"Kerja berkumpulan amat penting bagi melancarkan pembedahan jantung Minimally Invasive Cardiac," katanya.

Beliau menyediakan pesakit bagi kedua-dua pembedahan kerana bukaan semua pesakit sesuai menjalaninya.

Sepanjang menjalankan pembedahan berkenaan daripada 37 orang pesakit, hanya dua orang sahaja tidak sesuai atas sebab tertentu. Dr. Ezani juga berkata Minimally Invasive Cardiac menjadi pilihan pesakit kerana:

1. Luka yang kecil
2. Kurang sakit
3. Tempoh pemulihan pendek
4. Masa di wad unit penjagaan rapi (ICU) lebih singkat
5. Risiko jangkitan rendah
7. Tempoh cuti sakit dipendekkan

"Selepas pembedahan, pesakit hanya mengalami luka kecil dan tidak menunjukkan perbezaan besar kepada gaya hidup. Biasanya pesakit sudah boleh memandu kenderaan selepas dua minggu.

"Ini kerana dalam keadaan sekarang biasanya pesakit tidak mahu cuti sakit terlalu lama dan ingin kembali bekerja dan majikan juga tidak perlu mendapatkan pengganti," katanya.

Oleh kerana pembedahan Minimally Invasive Cardiac Surgery masih baru, hanya beberapa hospital mempunyai kepakaran melakukannya kerana memerlukan kepakaran dengan mengira kadar kejayaan sebelum boleh melakukannya.

"Kami adalah antara hospital paling awal melakukan pembedahan Minimally Invasive Cardiac sejak setahun setengah lalu setelah mengambil kira banyak perkara.

"Kami mempunyai kumpulan pembedahan yang sama dan konsisten kerana kami tidak boleh bertolak-ansur dengan sebarang keucuaan.

"Permintaan untuk pembedahan Minimally Invasive Cardiac juga amat tinggi tetapi tidak semua boleh melakukannya," katanya.



ABU Bakar menunjukkan kesan parut pembedahan di dadanya.

kerja berat termasuk memandu kenderaan sekurang-kurangnya dua bulan.

Bagaimanapun kini IJN telah memperkenalkan pembedahan jantung Minimally Invasive Cardiac yang melibatkan pembedahan bahagian otot di antara tulang rusuk dan meninggalkan luka kecil di antara tulang rusuk tadi.

## Kepakaran

Datuk Dr. Mohamed Ezani Md berkata, secara psikologi, pesakit merasa lebih selesa kerana pembedahan tidak melibatkan luka besar atau pemotongan tulang rusuk dan membekalkan pesakit cepat sembuh, kurang sakit dan parut kecil.

"Bagaimanapun bagi pakar bedah, kaedah pembedahan ini lebih mencabar kerana bukan saja mengambil masa lebih lama tetapi lebih rumit kerana bukaan pembedahan kecil menyebabkan pakar bedah perlu mempunyai kepakaran tinggi sebelum boleh melakukan pembedahan.

"Pembedahan ini bukan hanya melibatkan pemotongan otot tetapi banyak prosedur dan peralatan canggih bagi melancarkan pembedahan kerana jantung



DR. Mohamed Ezani menunjukkan pembedahan jantung Minimally Invasive Cardiac yang dijalankan. - Foto: ZAKARIA IDRIS